



KENYATAAN MEDIA MENTERI PERPADUAN NEGARA

TADAU KAAMATAN SEMAI PERPADUAN

Putrajaya, 30 Mei 2021- Selamat menyambut Tadau Kaamatan. Perayaan Tadau Kaamatan yang diraikan oleh masyarakat Kadazan Dusun dan Murut atas kesyukuran musim menuai menghidupkan semangat setiakawan dan perpaduan.

2. Tradisi perayaan ini memberi peluang untuk mengeratkan tali persaudaraan antara kaum tanpa mengira latar belakang yang berbeza.

3. Walaupun sambutan perayaan tahun tidak dapat diraikan semeriah tahun-tahun sebelumnya demi menjaga keselamatan dalam mengekang penularan wabak Covid-19, sama-sama kita mengambil inspirasi dari semangat kesyukuran dan perpaduan yang disampaikan menerusi perayaan ini.

4. Malaysia kaya dengan kepelbagaian budaya dan perayaan, sekaligus mencerminkan kekuatan bangsa yang unik.

5. Bagi mereka yang akur mengikut SOP dan berjauhan dari kampung halaman, sama-sama kita berpegang kepada kekuatan ini dikala kita memerangi Covid-19 bersama.

6. Semoga perayaan kali ini membawa keberkatan dan keharmonian. Kepada semua rakyat Malaysia yang menyambut, Kotobian Tadau Tagazo Do Kaamatan.

Stay United, Stay Safe, Stay At Home

#PerpaduanSuatuKebiasaan

#PerpaduanDalamKepelbagaian

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique

Menteri Perpaduan Negara

30 Mei 2021



Pertanyaan media:

1. **Lee Hock Keong**, Setiausaha Akhbar

Tel: 018 - 780 0079

2. **Norhayati Abd Manaf**, Ketua Unit Komunikasi Korporat

Tel: 012 – 393 5075

No Rujukan: KPN-100/9/1/8 (72)